

15 SEP 1997

Mahathir-Jerebu

DARURAT HANYA JIKA KEADAAN JEREBU KRITIKAL, KATA PM

SEPANG, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan akan mengisytiharkan darurat alam sekitar hanya apabila keadaan jerebu di negara mencapai tahap kritikal.

Perdana Menteri berkata buat masa ini, tidak perlu berbuat demikian.

Seluruh negara kini diselubungi jerebu yang dikatakan paling teruk sehingga ini dan kebakaran hutan di wilayah Sumatera dan Kalimantan di Indonesia dikatakan menjadi punca utama keadaan sekarang.

"Belum lagi...jika keadaan jerebu kritikal, kita akan mengisytiharkan (darurat)," kata beliau selepas melawat Lapangan Terbang KL (KLIA) yang akan siap tidak lama lagi.

Dr Mahathir juga berkata, operasi pembenihan awan untuk membawa hujan akan dilakukan di seluruh negara.

Buat masa ini, pembenihan awan hanya dilakukan di beberapa bahagian Lembah Klang dan di Selangor.

Perdana Menteri berkata, mereka yang terlibat dengan kerja-kerja pembenihan awan telah diarahkan mencari awan sehingga dapat.

"Sekarang ini, jerebu sudah (mencapai ketinggian) 9,000 kaki. Awan pun sudah tenggelam dalam jerebu...Cari awan, tapi tak jumpa."

"Oleh itu apabila menemui awan, mereka akan melakukannya (pembenihan awan). Bukan di Kuala Lumpur (Lembah Klang) sahaja," kata beliau.

Dalam pada itu kualiti udara di seluruh negara terus menurun lagi dengan Indeks Pencemaran Udara (API) menunjukkan kawasan Gombak di Selangor hampir mencecah paras bahaya dengan bacaan 298.

Kenyataan Jabatan Alam Sekitar hari ini menyatakan, sehingga pukul 11 pagi ini kualiti udara di Nilai, Kuala Lumpur, Kajang, Klang, Petaling Jaya dan Melaka telah sampai ke paras "sangat tidak sihat" dengan bacaan API antara 200 dan 300.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dipetik sebagai berkata, belum ada keputusan dibuat untuk menutup sementara semua sekolah di seluruh negara walaupun keadaan semakin buruk.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada langkah-langkah tegas diperlukan untuk mengatasi masalah jerebu itu.

"Langkah tegas sudah diambil tapi jerebu masih ada juga," kata beliau.

Mengenai KLIA, Dr Mahathir berkata beliau telah diberi taklimat mengenai kemajuan projek lapangan terbang bernilai RM9 bilion itu.

Beliau berkata, lapangan terbang itu akan siap untuk operasi komersil pada suku pertama tahun depan.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan Menteri-menteri Kabinet menyaksikan pendaratan sebuah pesawat Boeing 747 Penerbangan Malaysia buat pertama kali di Landasan 1 lapangan terbang itu.

Antara Menteri-menteri yang turut hadir ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu. -- BERNAMA

ES PR